

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

APRIL 1995

RPK 141 - Penempatan Manusia

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMABIAS muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **Tiga (3) Bahagian**

**Bahagian A:** Masa: 30 minit

Objektif - Soalan ini adalah WAJIB

Jawapan-jawapan mesti dibuat di dalam kertas jawapan yang telah disediakan.

Markah: 30

**Bahagian B:** Masa: 1 jam

Soalan ini adalah WAJIB

Jawapan-jawapan anda mesti dalam Bahasa Malaysia dan di dalam ruang-ruang yang telah disediakan.

Markah: 30

**Bahagian C:** Masa: 1½ jam

Pilih dan Jawab DUA soalan sahaja.

Jawapan-jawapan anda mestilah dibuat dalam Bahasa Malaysia.

Markah: 40



**Kertas Jawapan (Bahagian A)****RPK 141 - Masyarakat dan Penempatan Manusia****ANGKA GILIRAN \_\_\_\_\_**

- |             |             |
|-------------|-------------|
| 1. A B C D  | 16. A B C D |
| 2. A B C D  | 17. A B C D |
| 3. A B C D  | 18. A B C D |
| 4. A B C D  | 19. A B C D |
| 5. A B C D  | 20. A B C D |
| 6. A B C D  | 21. A B C D |
| 7. A B C D  | 22. A B C D |
| 8. A B C D  | 23. A B C D |
| 9. A B C D  | 24. A B C D |
| 10. A B C D | 25. A B C D |
| 11. A B C D | 26. A B C D |
| 12. A B C D | 27. A B C D |
| 13. A B C D | 28. A B C D |
| 14. A B C D | 29. A B C D |
| 15. A B C D | 30. A B C D |



**Bahagian A**

1. Apa yang dimaksudkan dengan kelompok sosial ialah:
  - a. Corak kegiatan-kegiatan sosial yang terdapat di sesuatu penempatan manusia.
  - b. Interaksi ciri-ciri sosial dan fizikal dalam proses urbanisasi.
  - c. Tumpuan rancangan pembangunan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti sosial.
  - d. Satu kelompok individu yang mempunyai identiti yang sama, perasaan kekitaan, matlamat yang sama serta hubungan sosial yang tertentu.
2. Selain daripada pertambahan semulajadi penduduk-penduduk, sebuah bandar boleh berkembang melalui:
  - a. Penghijrahan - masuk
  - b. Penghijrahan - keluar
  - c. Kadar tinggi kematian bayi
  - d. Kadar rendah kematian orang-orang dewasa
3. Pilih kenyataan-kenyataan yang betul tentang penempatan manusia di Malaysia.
  - I. Definisi sebuah petempatan desa mengikut kumpulan bersempadan hanya merujuk kepada pandangan Barat terhadap penempatan dan tidak boleh digunakan kepada situasi di kampung-kampung Melayu.
  - II. Statistik telah menunjukkan ketidakseimbangan pertaburan geografi di antara kaum-kaum utama.
  - III. Struktur kelas desa Cina tidak boleh difahami dengan tiadanya rujukan-rujukan kepada pekan-pekan.
  - IV. Memandangkan institusi-institusi pusat seperti istana dan masjid mempunyai unsur-unsur urbanisme, orang-orang Melayu memberi penumpuan terhadap kehidupan bandar.
  - a. I sahaja
  - b. I dan II
  - c. III sahaja
  - d. III dan IV

4. Pilih kenyataan yang SEBENARNYA berkenaan penempatan-penempatan kaum Cina.
  - a. Pemilikan tanah bersama orang-orang Cina selalunya adalah pada tahap-tahap yang tiada boleh dikawal.
  - b. Orang-orang Cina memberi tumpuan khas terhadap lokasi tempat dan juga sempadan-sempadan plot-plot perkuburan.
  - c. Pengertian orang-orang Cina terhadap ruang tiada berbeza dengan orang-orang Melayu.
  - d. Orang-orang Cina tidak cenderung untuk membahagi-bahagikan ataupun menjual tanah-tanah.
  
5. Tinggi (height) dan kelebaran (width) adalah dua dimensi dalam kajian penempatan manusia. Dimensi-dimensi yang lain adalah:
  - a. Panjang (length) dan masa (time)
  - b. Pusat (centre)
  - c. Sama (homogeneous) dan berkeliling (circular)
  - d. Rangkaian-rangkaian (networks) dan masyarakat (society).
  
6. 'Rumah Melayu' mengandungi bahagian-bahagian berikut, kecuali;
  - a. Serambi
  - b. Ibu Rumah
  - c. Bilik
  - d. Bidai
  
7. Satu kenyataan di bawah ini TIDAK BETUL.
  - a. Serambi, selalunya menghadap ke arah Timur atau Selatan.
  - b. Rumah-rumah Melayu dibina jauh di antara satu dengan yang lain bertujuan untuk memberi pandangan yang lebih elok.
  - c. Sesebuah kampung itu adalah pada asasnya sekumpulan penduduk-penduduk.
  - d. Sesebuah kampung boleh didefinisikan mengikut pertalian penghuni-penghuni terhadap sebuah masjid atau surau.

8. Mengikut Doxiadis definisi penempatan mengandungi **isi** dan **bekal**. Di sini **bekal** bermakna:
- Manusia, berseorangan dan dalam masyarakat-masyarakat.
  - Penempatan fizikal yang mengandungi kedua-dua unsur-unsur asli dan buatan manusia.
  - Rangkaian-rangkaian penempatan manusia.
  - Ekonomi saradiri yang secukupnya.
9. Dalam sesuatu kajian mengenai petempatan aspek-aspek berikut sangat perlu dipertimbangkan kerana tiap-tiap satunya saling bergantung.
- Saiz dan pusat tumpuan
  - Saiz, bentuk dan pola
  - Penghijrah masuk
  - Tapak dan kedudukan
  - Fungsi
- I dan V
  - III dan IV
  - II, IV dan V
  - I dan II
10. Alam, Manusia, Masyarakat, Tempat Berteduh dan Rangkaian-Rangkaian merupakan lima unsur-unsur
- Pertapakan
  - Kependudukan
  - Penempatan Manusia
  - Fungsi
11. Tiap penempatan manusia mengandungi gabungan di antara
- Fungsi dan Struktur
  - Fungsi dan Rangkaian-Rangkaian
  - Alam dan Masyarakat
  - Struktur Sosial

12. Secara ringkasnya, model pusat-pinggir atau teori petempatan pusat:
- Meneliti proses pembangunan dalam dimensi ruangnya.
  - Menerangkan organisasi ruang petempatan dan kawasan-kawasan pendalamannya, terutamanya yang berkaitan dengan lokasi dan sif relatifnya.
  - Menunjukkan bagaimana dan mengapa guna tanah pertanian berbeza menurut jauhnya dari pasaran.
  - Merupakan suatu ukuran tentang jumlah input yang digunakan bagi satu unit kawasan tanah.
13. Mengikut tafsiran model Zon Sepusat, kawasan terdapatnya rumah-rumah yang didiami oleh pendatang baru ke bandaraya digelar:
- Zon lampu hijau
  - Zon peralihan
  - Zon setinggan
  - Zon perniagaan pusat
14. Dalam program kampung-kampung baru, penduduk-penduduk kampung baru digalakkan menjayakan projek-projek itu secara:
- Bergotong-royong bagi memupuk perasaan berdikari.
  - Kasih dan tanggungjawab ke atas 'kampung' mereka.
  - Mementingkan peluang untuk mempertingkatkan pendapatan.
- I dan III
  - I sahaja
  - Bukan I - III
  - I hingga III
15. Salah satu dari ciri-ciri 'Seni Bina Pribumi' ialah:
- Direkabentuk untuk memberi kesan atau lambang.
  - Mewakili budaya golongan elit.
  - Menumpu cara pembinaan bangunan mengikut ajaran agama.
  - Berkait dengan kebudayaan sesuatu masyarakat tertentu.

16. Tujuan utama teori petempatan pusat ialah untuk menerangkan:
- Organisasi ruang petempatan
  - Ekonomi sendiri
  - Hubungan di antara saiz dengan bilangan dan taburan petempatan
- I dan II
  - II sahaja
  - Bukan I, II dan III
  - I dan III
17. Tiga faktor ekonomi yang menerangkan lokasi kegiatan perindustrian di bandar-bandar besar adalah kos pengangkutan, kos buruh dan
- Kos inflasi
  - Kos cagaran
  - Ekonomi perkelompokan
  - Harga sumber-sumber asli
18. Keuntungan dalam ekonomi perusahaan ialah ganjaran kerana
- memisahkan kecairan
  - menanggung risiko pengeluaran yang tidak boleh diinsurangkan
  - mengambil alih pelaburan
  - berjaya membeza-bezakan keluaran
19. Semua masyarakat menghadapi masalah ekonomi yang asas kerana
- tidak ada wang
  - faktor pengeluaran tidak terhad
  - kemahiran manusia tidak terhad
  - teknologi tidak sesuai

20. Dua aspek demografi dalam proses pembandaran ialah

- I. bandar-bandar berkembang dengan pesatnya dalam negara-negara kapitalis sedang membangun dari tahun 1800 seterusnya.
- II. kawasan-kawasan pasar dalam mana satu lokasi akan menerima hasil yang terbesar.
- III. jumlah bahagian penduduk yang tinggal di bandar bertambah berbanding dengan bahagian penduduk yang tinggal di luar bandar.
  - a. I dan II
  - b. I dan III
  - c. II dan III

21. Hasil daripada sistem ekonomi moden yang diperkenalkan oleh British pada abad ke 18;

- a. perkembangan sektor perkilangan terjadi secara menyeluruh di Malaysia.
- b. pembangunan bandar-bandar adalah sekata di semua negeri.
- c. bandar-bandar penjajah berkembang menjadi satu sistem perbandaran yang dihubungkan oleh rangkaian pengangkutan.
- d. aktiviti pertanian terhenti sama sekali.

22. Proses perbandaran di Malaysia selepas Perang Dunia II mempunyai kesan atau tren utama. Berikut ialah tren tersebut KECUALI

- a. bandar-bandar besar membangun dengan cepat.
- b. terdapatnya bandar-bandar kecil (bandar sekunder).
- c. pertambahan penduduk Melayu di bandar.
- d. jalanraya di bandar menjadi lebih sempit.

23. Dalam model peringkat pembangunan, peringkat ekonomi sara diri yang secukupnya merangkumi aktiviti-aktiviti berikut:
- I. Perburuan dan pemungutan
  - II. Perikanan
  - III. Insurans dan kewangan
  - IV. Perkapalan
- a. I dan III
  - b. II dan IV
  - c. I dan II
24. Berikut ialah faktor-faktor yang menggalakkan proses pembandaran di Malaysia KECUALI:
- a. Perpindahan penduduk dari desa ke bandar.
  - b. Pertambahan semulajadi penduduk bandar.
  - c. Pembangunan kawasan-kawasan mundur.
  - d. Kesesakan lalulintas di kawasan bandar.
25. Konsep hierarki petempatan merujuk kepada susun-taraf petempatan di dalam sesuatu kawasan berdasarkan;
- a. keseragaman dalam taburan penempatan.
  - b. kepentingan dan fungsi penempatan-penempatan tersebut.
  - c. saiz atau keluasan kawasan tepubina.
  - d. kepelbagaiannya bangsa atau kaum.
26. Menurut Kingsley Davis, dua prasyarat yang perlu ada untuk memungkinkan kewujudan bandar terutamatanya bandar-bandar awal;
- a. pihak pemerintah dan golongan diperintah.
  - b. aktiviti industri dan aktiviti pertanian.
  - c. kemajuan teknologi dan ciri-ciri geografi.
  - d. kawasan dilingkungi kota dan kawasan di luar kota.

27. Menurut Lim Heng Kow, proses pembangunan bandar di Malaysia adalah:
- hasil aktiviti-aktiviti pendatang asing dan perkembangan ekonomi penjajah.
  - berdasarkan struktur penempatan luar bandar.
  - hasil kemajuan sektor pertanian.
  - baik kerana terdapatnya rangkaian-rangkaian pengangkutan yang sempurna yang menghubungkan penempatan-penempatan awal.
28. Nilai sosial ialah;
- satu prinsip umum atau satu pembentukan mental yang mengaturkan satu sistem perlakuan.
  - satu analisis saintifik yang objektif.
  - satu konsep yang mengukur penglibatan seseorang di dalam masyarakat.
  - satu proses pemilihan anggota masyarakat.
29. Pilih satu kenyataan yang TIDAK benar berkenaan Hukum Rank Size.
- Petempatan-petempatan di dalam satu kawasan ditentukan menurut rank berdasarkan kepada jumlah penduduk.
  - Taburan petempatan di negara-negara sedang membangun seperti Thailand dan Filipina tidak mengikut Hukum Rank Size.
  - Teori Petempatan Pusat Christaller secara tidak langsung membincangkan konsep Rank Size.
  - Rangkaian Pengangkutan merupakan faktor utama yang diambilkira oleh konsep ini.
30. Objektif pakar-pakar dan profesional alam bina sepatutnya
- memaksimumkan kegunaan tanah
  - memaksimumkan keuntungan dan pulangan
  - merekabentuk bangunan yang unik
  - menentukan harmoni di antara alam bina dan alam semulajadi.

**Bahagian B**

1. (a) Takrifkan hukum rank size. ( 5 markah )

(b) Huraikan kepentingan hukum rank size dalam kajian penempatan manusia.

(10 markah)

2. (a) Senaraikan faktor-faktor pengaruh dalam penempatan manusia.

( 5 markah )

(b) Jelaskan perbezaan-perbezaan konsep ruang bagi rakyat Malaysia.

(10 markah)

**Bahagian C**

1. Bandingkan dan bezakan pendekatan 'rekabentuk agong' dan pendekatan 'seni bina pribumi' dalam rekabentuk penempatan manusia.  
( 20 markah )
2. Kajian ke atas penempatan manusia memerlukan pendekatan berbagai bidang. Nyatakan pendekatan yang anda gunakan dalam menganalisa penempatan manusia. Huraikan aspek-aspek penting dalam pendekatan anda.  
( 20 markah )
3. Sebuah masyarakat mengalami perubahan sosio-ekonomi dari masa ke masa. Dengan menggunakan pendekatan teori sektor, terangkan bagaimana sesebuah masyarakat berkembang dari segi ekonominya, dan apakah yang berlaku pada tiap-tiap tahap perkembangan tersebut.  
( 20 markah )
4. Terangkan bagaimanakah sistem jalan atau pengangkutan mempengaruhi struktur bandar pada jangkamasa
  - (a) Bandar Pejalan Kaki (Pra-Industri)
  - (b) Bandar Jentera Berstimp
  - (c) Bandar Fleksible  
( 20 markah )

oooOooo

